

**ANALISIS MASALAH PONTENG DALAM KALANGAN
PELAJAR INDIA DI SEKOLAH MENENGAH MELALUI
KAEDAH PEDAGOGI HERMENEUTIK**

FLORENCE A/P STEVAN

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PSIKOLOGI PENDIDIKAN)
MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2014

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis masalah ponteng sekolah dalam kalangan pelajar India di sebuah sekolah menengah di Sungai Siput (U), Perak. Sampel kajian ini terdiri daripada 20 orang pelajar India tingkatan empat. Sampel kajian ini dikumpulkan berasaskan semakan buku kedatangan kelas dan fail ponteng sekolah. Kaedah Pedagogi Hermeneutik sebagai metodologi kualitatif dan interpretif digunakan untuk menginterpretasikan transkripsi temu bual bagi mengkaji dan menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar India yang ponteng sekolah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor diri, keluarga dan guru adalah antara tiga punca utama yang menyebabkan berlakunya masalah ponteng dalam kalangan pelajar. Faktor diri pelajar meliputi pelajar yang tidak berminat dalam pembelajaran, tidak menyiapkan kerja rumah dan juga bekerja sehingga lewat malam. Seterusnya, faktor keluarga seperti ketandusan kasih sayang, kurangnya pemantauan ibu bapa terhadap pembelajaran serta pertelingkahan antara ibu bapa turut menyebabkan masalah ponteng dalam kalangan pelajar. Di samping itu, masalah ini juga disebabkan oleh faktor guru, iaitu guru yang tidak bersimpati terhadap pelajar-pelajar yang lemah dalam pelajaran, ketegasan guru yang berlebihan dan kaedah pengajaran guru yang kurang berkesan. Diharap dapatan kajian ini dapat membantu Kementerian Pelajaran, sekolah, guru-guru, ibu bapa serta Persatuan Ibu Bapa dan Guru dalam menangani masalah ponteng sekolah dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

ANALYSIS OF THE TRUANCY PROBLEM AMONG THE INDIAN STUDENTS IN SECONDARY SCHOOL THROUGH HERMENEUTIC PEDAGOGY METHOD

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

N IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI F

ABSTRACT

The aim of this study is to analyse the problem of truancy among the Indian students in a secondary school in Sungai Siput (U), Perak. The sample of the study includes 20 Indian students from Form Four. Samples of the study were collected from the attendance book and school truancy files. Pedagogical method of hermeneutics as a qualitative and interpretive methodology is used to interpret interview transcriptions in order to study and analyse the factors that affect Indian students to play truant. Findings show that the main factors of truancy among students were self, family and teachers. Self factors include students who lack of interest in learning, who do not complete their homework and also students who work till late night. Besides that, family factors such as lack of love, lack of supervision on students' studies and disputes between parents are the causes of truancy among students. In addition, truancy arises due to teachers, who are not sympathetic towards weaker students, teachers' who are excessively strict and less effective teaching methods. It is hoped that this research findings will help the Ministry of Education, schools, teachers, parents and the Parent Teacher Association to address the truancy problem among the secondary school students.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKA

DRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi

BAB 1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	7
1.4	Objektif Kajian	9
1.5	Soalan Kajian	9
1.6	Kepentingan Kajian	10
1.7	Batasan Kajian	14
1.8	Kerangka Konseptual Kajian	16
1.9	Definisi Istilah dan Operasional	17
1.9.1	Masalah Ponteng	17
1.9.2	Kaedah Pedagogi Hermeneutik	18
1.9.3	Pelajar	18
1.9.4	Ibu Bapa	19
1.9.5	Guru	19
1.9.6	Masyarakat	19
1.10	Kesimpulan	20

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	21
2.2	Masalah Ponteng Dalam Kalangan Pelajar Sekolah	22
2.3	Pendekatan dan Teori-Teori Psikologi Dalam Mengurangkan Gejala Ponteng Sekolah	24
2.3.1	Teori Afektif	24
2.3.2	Teori Psikososial	30
2.3.3	Teori Tingkah Laku	33
2.4	Isu Ponteng Sekolah di Malaysia	39
2.5	Isu Ponteng Sekolah (<i>Truancy</i>) di Luar Negara	59
2.6	Teori Hermeneutik	69
2.6.1	Fenomenologi Hermeneutik	69
2.6.2	Pengertian Tentang Teori Hermeneutik	73
2.7	Falsafah Sains Hermeneutik	79
2.7.1	Teks	79
2.7.2	Terbuka kepada Fenomena	80
2.7.3	Fakta dan Kebenaran	80
2.7.4	Kebenaran (<i>Truth</i>)	81
2.7.5	Onto Enigma dan <i>Situational Temporality</i>	82
2.7.6	Metateks	82
2.7.7	Struktur Luaran dan Struktur Dalaman	83
2.7.8	Objektiviti dalam Sains Hermeneutik	84
2.8	Pengaplikasian Analisis Hermeneutik dalam Kelas	84
2.8.1	Kebersamaan (<i>Withness</i>) Kemuaafakatan (<i>Togetherness</i>)	85
2.8.2	Organisasi Interaksi Senjaga	86
2.8.3	Permulaan dan Penutup Interaksi	87
2.9	Putaran Hermeneutik	87
2.10	Kesimpulan	91

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	92
3.2	Kaedah Kajian	92
3.3	Rekabentuk Kajian	94
3.4	Unsur-unsur Instrumen, Kebolehpercayaan dan Kesahan	95

3.4.1	Kebolehpercayaan Kajian	96
3.4.2	Kesahan Kajian	97
3.5	Teks Sebagai Subjek Kajian (Transkripsi Temu Bual)	98
3.5.1	Ciri-ciri Keterbukaan (<i>Openness</i>)	99
3.5.2	Ciri-ciri Kekaburan Pada Teks (Ontoenigma)	100
3.6	Metateks	101
3.7	Persampelan	102
3.8	Prosedur Kajian	103
3.9	Kesimpulan	105

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	106
4.2	Perasaan Pelajar Semasa Ponteng	107
4.3	Keikhlasan Pelajar	107
4.4	Analisis Transkrip Temu Bual Pelajar Untuk Menginterpretasi Aspek Ponteng	109
4.5	Analisis Transkrip Temu Bual Menganalisis Masalah Ponteng Dalam Kalangan Pelajar India	180
4.5.1	Huraian Sebab-Sebab Pelajar Ponteng	180
4.5.1.1	Rumusan	188
4.5.2	Huraian Perasaan Pelajar Semasa Ponteng	191
4.5.2.1	Rumusan	194
4.5.3	Tindakan Ibu Bapa Dalam Menangani Masalah Ponteng	196
4.5.3.1	Rumusan	205
4.5.4	Tindakan Guru Dalam Menangani Masalah Ponteng	208
4.5.4.1	Rumusan	213
4.5.5	Tindakan Masyarakat Dalam Menangani Masalah Ponteng	215
4.5.5.1	Rumusan	219
4.6	Kesimpulan	221

BAB 5**KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	222
5.2	Perbincangan Hasil Kajian	223
5.2.1	Objektif 1: Mengenal pasti sebab-sebab pelajar ponteng	223
5.2.2	Objektif 2: Mengenal pasti perasaan pelajar semasa ponteng	227
5.2.3	Objektif 3: Mengenal pasti tindakan ibu bapa dalam menangani masalah ponteng	231
5.2.4	Objektif 4: Mengenal pasti tindakan guru dalam menangani masalah ponteng	237
5.2.5	Objektif 5: Mengenal pasti tindakan masyarakat dalam menangani masalah ponteng	242
5.3	Rumusan	244
5.4	Cadangan	246
5.4.1	Kementerian Pelajaran	246
5.4.2	Sekolah	248
5.4.3	Guru-guru	251
5.4.4	Ibu bapa atau penjaga	252
5.4.5	Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)	254
5.5	Cadangan Bagi Kajian Lanjut	255
5.6	Kesimpulan	256
	RUJUKAN	257
	LAMPIRAN	

Lampiran A - Soalan Temu Bual

SENARAI JADUAL

Jadual

Muka surat

1.1	Status Pencapaian Kadar Ponteng Sekolah Tahun 2012	5
1.2	Bilangan Kes Disiplin Pelajar Tahun 2008 Hingga Tahun 2012	6

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	17
2.1	Model Hierarki Keperluan (Maslow, 1970)	26
2.2	Struktur Pemahaman Dalam Hermeneutik (Cole & Avison, 2007)	89
2.3	Bentuk Asas Lingkaran Hermeneutik (Bontekoe, 1996)	91
3.1	Reka bentuk Kajian	95
3.2	Proses Ontopretasi Secara Terperinci (Suppiah, 2003)	100
3.3	Proses Ontoenigma (Suppiah, 2003)	101
3.4	Prosedur Kajian	105

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dewasa ini negara kita sibuk dengan perkembangan dan kemajuan dalam bidang teknologi maklumat, sehinggakan hampir terlupa dengan masalah remaja yang sudah lama melanda para pelajar. Masalah ini membawa impak negatif kepada pembangunan dan kemajuan negara kita pada masa hadapan. Masalah remaja yang menjadi perhatian pada masa sekarang ialah masalah ponteng dalam kalangan pelajar sekolah.

Masalah ponteng sekolah boleh didefinisikan sebagai perbuatan tidak hadir ke sekolah tanpa pengetahuan atau izin guru dan ibu bapa tanpa sebab-sebab yang

tertentu yang sah dan munasabah (Kamus Dewan, 2007). Ponteng merupakan satu masalah serius daripada sekian banyak masalah yang dihadapi oleh tiap-tiap sekolah sama ada di dalam bandar atau di luar bandar. Menurut Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yassin, sebanyak 108,650 daripada 5.3 juta pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh negara terlibat dengan salah laku disiplin di sekolah pada tahun 2012. Isu ponteng sekolah merupakan penyumbang terbesar salah laku disiplin, iaitu 18,550 pelajar daripada jumlah tersebut (Kosmo Online Negara, Disember 2, 2013).

Sehubungan ini, sekolah, ibu bapa dan masyarakat perlu sehaluan dengan bergabung tenaga dalam menangani masalah ponteng dan akhlak pelajar supaya perkara ini tidak terus menjadi masalah yang boleh menjejaskan nama baik sekolah sekaligus nama baik negara.

1.2 Latar Belakang Kajian

Peningkatan masalah disiplin di sekolah-sekolah Malaysia tidak pernah kurang, malah meningkat dari setahun ke setahun. Keadaan ini menimbulkan tanda tanya kepada pelbagai pihak mengenai punca sebenar berlaku fenomena ini.

Merujuk Surat Pekeliling Pekeliling Ikhtisas Bilangan 6/1995, jenis-jenis salah laku pelajar terbahagi kepada lapan unit, iaitu:

- i. Tingkah laku jenayah
- ii. Tindakan lucah
- iii. Kekemasan diri
- iv. Tingkah laku tidak mementingkan masa
- v. Tingkah laku kurang sopan dan biadap
- vi. Tingkah laku musnah
- vii. Tingkah laku tidak jujur/menipu
- viii. Ponteng

Antara kesalahan tersebut, gejala ponteng merupakan masalah yang paling penting dan ketara dalam kalangan pelajar terutama di peringkat sekolah menengah. Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia (2012), sebanyak 5935 orang murid sekolah rendah terlibat dalam ponteng manakala 11,408 orang pelajar pula di peringkat sekolah menengah. Kes ponteng adalah masalah yang serius membabitkan pihak sekolah, guru, ibu bapa dan masyarakat sekeliling. Kegiatan ponteng dilakukan sama ada secara individu atau secara kelompok. Masa atau hari untuk ponteng biasanya telah dirancang dan dapat dikenal pasti polanya.

Menurut Azhad (2008), salah satu masalah disiplin yang paling besar ialah ponteng sekolah. Masalah ponteng sekolah ini pun bukan perkara baru, malah semua orang pernah terlibat atau mengetahui tentangnya semasa di sekolah dahulu. Masalah ini sebenarnya berlaku sepanjang tahun, cuma bilangannya meningkat setiap kali selepas peperiksaan sebelum cuti bermula. Daripada keseluruhan pelajar yang dikenal pasti terlibat dengan masalah ponteng, kira-kira 97% ialah lelaki dan 3% lagi perempuan. Pelajar sekolah menengah terutamanya yang berusia 14 dan 15 tahun

dikenal pasti sebagai kumpulan majoriti yang terbabit dengan gejala ponteng.

Masalah ini bukan sahaja dikesan dalam kalangan pelajar sekolah menengah di kawasan bandar, malah di pinggir bandar (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007).

Gejala ponteng sekolah dalam kalangan pelajar sekolah bertambah dengan kadar yang serius walaupun berbagai-bagai langkah telah dilaksanakan bagi menangani masalah ini. Permasalahan ini terjadi disebabkan pelbagai faktor seperti kemiskinan, pengaruh rakan sebaya, keluarga, persekitaran sekolah, faktor guru dan sikap pelajar itu sendiri. Walau apa pun faktornya, ponteng sekolah menjadi satu penyakit yang berbahaya dan mudah tersebar kepada pelajar lain serta merugikan pelajar, ibu bapa, pihak sekolah dan negara keseluruhannya.

Ponteng sekolah dan ponteng kelas merupakan perlakuan yang menyalahi peraturan sekolah. Sekiranya ponteng sekolah dan ponteng kelas menjadi amalan dan tabiat pelajar, maka perlakuan ini boleh membawa kesan negatif kepada diri pelajar itu sendiri, keluarganya dan juga sekolah. Seterusnya, perlakuan tersebut akan memungkinkan seseorang pelajar itu hilang sifat tanggungjawab, ketinggalan dalam pelajaran dan yang paling dikhuatiri ialah akan melibatkan diri dengan kegiatan-kegiatan yang negatif kesan daripada kegiatan ponteng. Perlakuan-perlakuan ini secara keseluruhannya akan memberi terhadap kesan pencapaian akademik para pelajar.

Jadual 1.1 menunjukkan status pencapaian kadar ponteng sekolah tahun 2012 di negeri Perak. Sasaran penurunan kes ponteng adalah sebanyak 0.46% pada tahun

2012. Bilangan murid yang terlibat dalam ponteng ialah 2493, iaitu 0.54%. Kadar ponteng didapati meningkat sebanyak +0.08.

Jadual 1.1

Status Pencapaian Kadar Ponteng Sekolah Tahun 2012

Status Pencapaian Kadar Ponteng Sekolah Tahun 2012 Negeri Perak				
Bil	Negeri	Sasaran 2012	Pencapaian 2012	Kadar Turun/Meningkat
1		%	Murid Terlibat	%
	Perak	0.46	2493	0.54
				+0.08

Sumber: Kementerian Pelajaran Malaysia (2012)

Mengikut data dan maklumat dalam Jadual 1.1, sudah tiba masanya sesuatu tindakan yang drastik perlu diambil bagi memastikan masalah ponteng ini dapat ditangani dengan sebaiknya. Berdasarkan kes ponteng yang berlaku pada tahun 2012, Jabatan Pelajaran Negeri Perak telah menetapkan sasaran dan strategi bagi pengurangan kadar ponteng sekolah sebanyak 0.01% tahun 2013, iaitu penurunan daripada 0.33% tahun 2012 kepada 0.32% tahun 2013.

Jadual 1.2 menunjukkan bilangan kes disiplin pelajar dalam tempoh lima tahun (2008 hingga 2012) berada pada kadar purata 2.05%. Mengikut rekod kategori kes berat Kementerian Pelajaran Malaysia (2012), analisis salah laku disiplin di sekolah dari tahun 2008 hingga 2012 menunjukkan kes ponteng sekolah bagi tahun 2012 didapati menurun sebanyak 0.02% daripada 0.35% (2011) kepada 0.33% (2012). Sasaran penurunan adalah sebanyak 0.01% pada tahun 2012. Jumlah keseluruhan kes ponteng yang berlaku pada tahun 2012 ialah 17,313. Jenis kes salah laku ponteng

mencatatkan bilangan kes yang tinggi berbanding kes-kes salah laku yang lain pada tahun 2012.

Jadual 1.2

Bilangan Kes Disiplin Pelajar Tahun 2008 Hingga Tahun 2012

Bil	Jenis Kes Salah Laku	2008		2009		2010		2011		2012	
		Bil Murid	%	Bil Murid	%	Bil Murid	%	Bil Murid	%	Bil Murid	%
1	Tingkah Laku Berunsur Jenayah	19452	0.35	17518	0.32	17595	0.32	18457	0.34	14321	0.27
2	Berunsur Kelucahan	3138	0.04	2915	0.05	3031	0.06	2163	0.05	3378	0.07
3	Kurang Sopan	22921	0.42	20808	0.38	18346	0.34	17189	0.32	15407	0.29
4	Laku Musnah	3949	0.07	3979	0.07	5212	0.10	5343	0.10	3630	0.70
5	Kekemasan Diri	15672	0.29	20361	0.37	21384	0.39	20778	0.39	13926	0.26
6	Ponteng Sekolah	20363	0.37	20286	0.37	19515	0.36	18751	0.35	17313	0.33
7	Kenakalan	8523	0.16	9797	0.18	8563	0.16	8923	0.17	9926	0.19
8	Tidak Pentingkan Masalah	18348	0.34	16314	0.30	17808	0.33	18611	0.35	10403	0.20
9	Buli									4159	0.08
10	Rokok									14298	0.27
Jumlah		112366	2.08	111978	2.00	111484	2.06	110218	2.05	107191	2.03

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia (2012)

Oleh yang demikian, gejala ponteng ini tidak boleh dibiarkan begitu sahaja kerana masalah ini boleh mewujudkan ancaman yang besar terhadap aset yang tidak ternilai itu dan lambat laun masalah ini boleh meruntuhkan kewibawaan sistem

pendidikan negara kerana tidak dapat melahirkan generasi yang berkualiti secara berterusan. Oleh itu, masalah ini perlulah diatasi dengan segera bagi mengelakkan daripada tercetusnya pelbagai masalah lain yang lebih buruk kesannya.

1.3 Pernyataan Masalah

Masalah salah laku ponteng sekolah bukan satu perkara baru dalam sektor pendidikan di Malaysia. Dalam hal ini, pihak Kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran Malaysia (2012), yang kini diterajui oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Yassin telah dan sedang melaksanakan beberapa langkah: antaranya Program Sekolah Penyayang dan mentor-mentee. Matlamat kedua-dua program adalah dua pendekatan yang berkesan untuk membendung dan menangani masalah sosial. Oleh itu, program ini adalah untuk menarik kembali para murid agar sentiasa gembira dan sayang untuk meninggalkan kawasan sekolah serta tertunggu-tunggu untuk datang semula pada keesokan harinya.

Mengikut pemerhatian dan pengalaman penyelidik sendiri semasa melakukan latihan mengajar, terdapat banyak faktor yang menyebabkan pelajar melibatkan diri dalam gejala ponteng sekolah, antaranya adalah disebabkan sikap pelajar, rakan sebaya, ibu bapa dan guru. Selain itu faktor-faktor persekitaran sekolah, pengurusan sekolah dan prasarana sekolah juga boleh menyebabkan pelajar-pelajar terlibat dalam gejala ponteng sekolah.

Kebanyakan pelajar yang terlibat dalam gejala ponteng sekolah datang dari keluarga yang serba kekurangan. Pelajar-pelajar seringkali menghadapi masalah dari aspek persekitaran tempat tinggal, sosioekonomi keluarga dan pergaulan antara rakan. Kebanyakan ibu bapa yang berpendapatan rendah tidak dapat menyediakan perbelanjaan yang mencukupi untuk menampung bilangan anak yang ramai. Jadi untuk meringankan beban keluarga, ada pelajar yang sanggup berhenti sekolah dan bekerja untuk mendapatkan wang untuk perbelanjaan harian mereka.

Ibu bapa kini sentiasa bekerja di luar dari awal pagi hingga larut malam. Masa mereka bersama dengan anak semakin berkurang sehingga anak-anak tidak dapat menyampaikan perasaan mereka kepada ibu bapa. Lama kelamaan, anak tersebut akan cuba menggunakan cara yang negatif seperti ponteng sekolah kerana mereka berjaya mendapat perhatian daripada ibu bapa mereka. Malangnya, anak-anak ini akan berkawan dengan orang luar semasa mereka memonteng sekolah dan kesannya “kawan baharu” ini akan mengajak mereka pergi ke tempat lain untuk berhibur sehingga anak-anak ini tidak lagi mementingkan pelajarannya.

Dalam konteks ini, penyelidik akan cuba melihat sebab-sebab dan perasaan yang menyebabkan para pelajar melakukan kegiatan ponteng. Selain itu, penyelidik juga ingin mengenal pasti tindakan ibu bapa, guru dan masyarakat dalam menangani masalah ponteng.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis masalah ponteng dalam kalangan pelajar India di sekolah menengah. Analisis dijalankan dengan menggunakan Kaedah Pedagogi Hermeneutik yang berbentuk interpretif atau interpretasi transkripsi temu bual pelajar-pelajar tersebut berdasarkan lima objektif khusus seperti berikut.

- i. mengenal pasti sebab-sebab pelajar India ponteng di sekolah menengah.
- ii. mengenal pasti perasaan pelajar India di sekolah menengah semasa ponteng.
- iii. mengenal pasti tindakan ibu bapa dalam menangani masalah ponteng dalam kalangan pelajar India di sekolah menengah.
- iv. mengenal pasti tindakan guru dalam menangani masalah ponteng dalam kalangan pelajar India di sekolah menengah.
- v. mengenal pasti tindakan masyarakat dalam menangani masalah ponteng dalam kalangan pelajar India di sekolah menengah.

1.5 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif yang dinyatakan, lima soalan kajian telah dikenal pasti untuk dijawab seperti berikut:

- i. Apakah sebab-sebab yang menyumbang kepada masalah ponteng dalam kalangan pelajar India di dalam sekolah menengah?
- ii. Bagaimanakah perasaan pelajar India di sekolah menengah semasa ponteng?
- iii. Bagaimanakah tindakan ibu bapa dalam menangani masalah ponteng dalam kalangan pelajar India di sekolah menengah?
- iv. Bagaimanakah tindakan guru dalam menangani masalah ponteng dalam kalangan pelajar India di sekolah menengah?
- v. Sejauh manakah tindakan masyarakat dalam menangani masalah ponteng dalam kalangan pelajar India di sekolah menengah?

1.6 Kepentingan Kajian

Statistik Kementerian Pelajaran Malaysia pada 2010 memaparkan bilangan pelajar yang terlibat dengan gejala ponteng sekolah ialah seramai 34,628 orang (Mohamed Sharif & Hazni, 2010). Perkara ini tidak boleh dipandang sebelah mata dan dianggap remeh terutama oleh pihak yang terlibat secara langsung dalam dunia pendidikan, iaitu ibu bapa, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan masyarakat umum meskipun angka tersebut dianggap kecil berbanding lima juta bilangan keseluruhan pelajar. Peranan keluarga (ibu bapa), guru-guru, pihak pengurusan sekolah, kaunselor-kaunselor sekolah dan juga masyarakat perlu bagi mendepani masalah ponteng dalam kalangan pelajar India di sekolah menengah dengan bijaksana serta mencari jalan dalam membendung gejala tersebut. Dapatan kajian ini diharapkan akan dapat

membantu pihak sekolah mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya masalah ponteng dalam kalangan pelajar sekolah menengah dan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengatasi masalah pelajar.

Kajian ini dapat mengutarakan segala pendapat dan pandangan-pandangan tentang faktor-faktor dan punca pelajar ponteng dari kaca mata mereka dan pengkaji tidak mencampuri pandangan pelajar. Operasi pencegahan ponteng bukan seharusnya berkonsep menangkap atau menghukum tetapi pelajar-pelajar harus sedar sendiri akan keburukan kelakuan tersebut terhadap masa depan mereka selaku pelajar dan kepentingan hadir ke sekolah. Dalam situasi seumpama inilah kepentingan kajian dapat disedari dan dirasai. Walaupun pelbagai kajian dan analisis dibuat berdasarkan metodologi-metodologi kuantitatif dan kualitatif, namun kajian yang bersandar pada analisis teks daripada perspektif pelajar yang ponteng sekolah jarang dijumpai. Oleh itu, kajian ini dianggap penting untuk menyelidiki daripada perspektif dan pandangan pelajar melalui teks yang seharusnya diinterpretasi dengan jitu, padat dan menyeluruh.

Hasil kajian ini dapat membantu ibu bapa menerapkan nilai-nilai murni dan kesedaran bagi menjauhi gejala ponteng dalam kalangan anak-anak mereka agar menjadi individu yang bersikap positif demi kesejahteraan masa depan mereka. Dengan ini mereka akan mendidik anak-anak mereka sejak kecil lagi dan meluangkan masa yang lebih supaya mengetahui perkembangan anak-anak di sekolah dan melibatkan diri dengan aktiviti di sekolah serta dapat menceburi bidang yang sesuai. Ibu bapa juga dapat mengenal pasti tindak-tanduk anak-anak mereka. Mereka akan dapat melihat personaliti dan tingkah laku anak-anak mereka sama ada bertingkah

laku positif atau negatif. Secara tidak langsung ibu bapa akan dapat membanteras gejala ponteng dalam kalangan pelajar India di sekolah menengah.

Hasil kajian boleh membantu menyediakan maklumat dan bukti kajian kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia tentang faktor-faktor ponteng sekolah yang wujud di sekolah menengah.

Kajian ini juga membantu pihak Kementerian Pelajaran dan Jabatan Pelajaran negeri merangka dan mengambil langkah-langkah yang wajar dalam menangani masalah ponteng dalam kalangan pelajar sekolah menengah seperti garis panduan dan mengkaji semula peraturan-peraturan yang membabitkan disiplin pelajar.

Dari hasil kajian ini diharapkan guru-guru dapat mengenal pasti kekerapan ponteng dalam kalangan pelajar India di sekolah menengah. Guru-guru juga boleh mengenal pasti pelajar-pelajar yang ponteng, memahami punca salah laku tersebut serta bertindak sabagai ibu bapa kedua yang mampu membimbing mereka agar berubah kepada sikap yang lebih positif. Para guru juga dapat mengetahui perubahan tingkah laku pelajar yang negatif di sekolah yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Kajian ini mendorong kesediaan pelajar menjauhi gejala ponteng dan lebih menumpukan kepada kecemerlangan diri.

Dapatan daripada hasil kajian ini akan membantu pihak pengurusan sekolah untuk memastikan faktor yang paling dominan dalam mempengaruhi para pelajar untuk melakukan ponteng sekolah supaya dapat mengenal pasti pula langkah-langkah pencegahannya. Kajian ini juga dapat membantu pihak pengurusan sekolah

membendung gejala salah laku disiplin yang sememangnya menyukarkan perjalanan proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan usaha ini, guru-guru dapat memberi tumpuan yang seoptimum terhadap proses penerapan ilmu terhadap pelajar melalui pengajaran dan pembelajaran. Hasil kajian ini juga boleh digunakan oleh pihak pengurusan sekolah untuk merangka, merancang dan melaksanakan tindakan untuk memperbaiki disiplin pelajar.

Hasil kajian ini amat berguna untuk dijadikan panduan oleh kaunselor-kaunselor di sekolah-sekolah dalam mengenal pasti kekerapan gejala ponteng dalam kalangan pelajar India. Dengan adanya maklumat tersebut, akan memudahkan lagi tugas mereka dalam membimbing dan memberi kesedaran terhadap pelajar yang ponteng.

Masyarakat juga berperanan dalam menegur serta mengawal pelajar agar menjauhi gejala ponteng. Masyarakat juga seharusnya berupaya memainkan peranan dalam membentuk keperibadian remaja. Oleh itu, adalah penting bagi masyarakat menyediakan persekitaran yang sihat dan selamat, memberi sokongan dan mendidik remaja yang sedang meningkat dewasa agar mampu berfikiran positif.

Hasil kajian ini dapat menyediakan sumber rujukan dan maklumat kepada penyelidik lain yang berminat untuk mengkaji secara lebih terperinci dan mendalam berkaitan masalah ponteng dalam kalangan pelajar India.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini adalah berdasarkan suatu tugas interpretasi yang bersifat subjektif. Kaedah Pedagogi Hermeneutik adalah bersifat interpretif dan dianggap suatu andaian teori yang boleh digunakan untuk menginterpretasikan teks untuk mengemukakan kebenaran di sebalik sesuatu teks. Kajian ini adalah suatu analisis berdasarkan Kaedah Pedagogi Hermeneutik yang telah digunakan sejak berabad-abad lamanya. Dengan penginterpretasian tersebut, dapatlah dianggap sebagai suatu rumusan yang masih boleh dipertikaikan generalisasi yang dibuat melalui kajian ini kerana kebenaran yang diperoleh melalui proses interpretasi teks masih boleh diinterpretasikan selanjutnya sehingga proses interpretasi ingin dijalankan oleh penyelidik.

Penyelidik mengambil keputusan untuk menghadkan kajian ini dengan memperoleh hasil dapatan melalui penganalisan teks dengan menggunakan Kaedah Pedagogi Hermeneutik sahaja. Pengkaji tidak berhasrat untuk menggunakan kaedah-kaedah lain seperti analisis dokumen, iaitu data (statistik), mungkin daripada Kementerian Pelajaran Malaysia atau daripada sumber-sumber yang lain sejajar dengan tujuan dan objektif kajian yang ditentukan lebih awal.

Kaedah Pedagogi Hermeneutik tidak terikat dengan sebarang alat ukur (instrumen), hipotesis atau teori. Kaedah ini dianggap fenomenologikal dan tidak terikat dengan sebarang andaian tentang punca-punca pelajar ponteng. Oleh itu, hasil dapatan kajian kelak tidak boleh dirumuskan kejituan punca-punca yang menyebabkan pelajar ponteng dengan menggunakan transkripsi tersebut.

Analisis kajian ini adalah semata-mata suatu usaha untuk menginterpretasi transkripsi mengenai masalah ponteng. Dapatan kajian ini seharusnya dilihat sebagai suatu hasil yang diperoleh menunjukkan situasi dan konteks pelajar yang terlibat dalam gejala ponteng sahaja. Kaedah Pedagogi Hermeneutik sentiasa mengutamakan pemahaman dalam konteks dan situasi sebenar. Pemahaman terhadap sesuatu peristiwa dan pengalaman yang dialami oleh pelajar perlu dilihat sebagai sesuatu yang bermakna untuk diteliti atau dikaji selanjutnya. Oleh itu, Kaedah Pedagogi Hermeneutik digunakan sebagai suatu usaha untuk menginterpretasi sesuatu yang bermakna, iaitu dalam konteks pemahaman semula tentang perkara yang dikaji. Pemahaman semula dapat diterangkan dengan bermakna hanya dengan penelitian transkripsi-transkripsi temu bual dengan kewujudan punca-punca masalah ponteng. Hal ini bermakna, proses interpretasi teks boleh diteruskan dan dilanjutkan untuk merumuskan dapatan-dapatan baharu dengan menjalankan tugas interpretasi dengan mendalam untuk membongkar kebenaran-kebenaran yang tersembunyi secara tersirat di sebalik penelitian teks-teks tersebut.

Dengan adanya batasan yang dinyatakan, maka kajian ini dapat dianggap sebagai satu langkah untuk meneliti sejauh mana pelajar dapat meluahkan perasaan hati yang terpendam dengan memproses informasi daripada tahap bawah sedar mereka semasa ditemu bual. Kajian-kajian lanjut boleh dijalankan secara imperikal untuk mengukuhkan dapatan kajian melalui data untuk mengesahkan kejituan misalnya dalam konteks analisis kuantitatif.

Kajian yang berbentuk interpretif ini dilaksanakan di salah sebuah sekolah menengah di Sungai Siput (U) yang melibatkan pelajar tingkatan empat yang pernah